

DBKL perlu teliti semula rancangan roboh sembilan gerai di Desa Pandan

Laluan adalah jalan dalam, penjaja miliki lesen perniagaan secara sah

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ahli Parlimen Ti-tiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meneliti semula rancangan merobohkan sembilan gerai penjaja di Desa Pandan bagi memberi laluan kepada kerja pelebaran jalan.

Ini kerana, beliau berkata, laluan itu adalah jalan dalam dan peniaga terbabit sudah menjalankan perniagaan secara sah di kawasan itu selama bertahun-tahun.

“Mereka ini sudah berniaga di sini bertahun-tahun dan mereka diberi lesen. Ini adalah punca pendapatan mereka. Apabila pihak DBKL tiba-tiba datang merobohkan gerai tempoh hari, mereka amat terkejut,” katanya pada sidang media, di sini semalam.

Beliau yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi berkata, keputusan DBKL itu juga dibuat tanpa melalui sesi libat urus bersama beliau dan kumpulan peniaga yang bakal terjejas akibat perobohan terbabit.

Johari yang menjalankan tugas dan fungsi Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, turut mempersoal kewajaran pelaksanaan projek yang dikatakan untuk memberi laluan kepada kenderaan berat, termasuk treler.

“Difahamkan, DBKL sudah

lantik kontraktor projek ini sebelum buat libat urus dengan wakil rakyat dan penduduk. Tak logik kalau hanya besarkan jalan di sini, kemudian kurang 100 meter di hadapan akan kembali kecil.

“Kenapa perlu robohkan gerai untuk projek pelebaran jalan sedangkan ini bukan laluan utama? Kalau DBKL robohkan sembilan gerai di sini, bagaimana pula nasib 60 peniaga yang beroperasi dekat gerai di hadapan sana?”

“Saya sebenarnya mahu cadangkan supaya laluan ini ditutup kerana ia hanyalah jejambat merentasi saluran perparitan, selain banyak kali treler tersangkut ketika melalui jalan terbabit.

“Saya rasa pelaksanaan projek ini perlu ditangguhkan, selain bersedia berbincang dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa,” katanya.

Perobohan ikut SOP

DBKL kelmarin dilapor berkata proses pengosongan tapak perniagaan itu dilakukan secara teratur dan teratur mengikut prosedur sedia ada, selain sudah melalui beberapa proses termasuk sesi libat urus dan penyampaian maklumat rasmi kepada semua pihak terbabit, termasuk persatuan peniaga dan penduduk.

Ia susulan rakaman video berdurasi 50 saat tular di media sosial memaparkan lelaki memegang parang mengamuk dan memaki hamun penguat kuasa DBKL sambil ditenangkan orang ramai yang berada di lokasi.

Susulan itu, Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Asisten Komisioner Mohamad Lazim Ismail, dilaporkan berkata pihaknya menahan seorang lelaki bersama sebilah parang panjang milik suspek di kawasan kejadian dan kes disiasat mengikut Seks-



Johari (tengah) ketika bertemu dengan wakil penduduk dan penjaja yang terjejas susulan operasi meroboh gerai oleh DBKL di Desa Pandan, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

yen 353 Kanun Keseksaan.

Sementara itu, wakil peniaga, Mohd Reduan Mohd Rathi, 40, berkata sembilan peniaga terbabit menjalankan perniagaan secara sah bagaimanapun lesen mereka ditamatkan tanpa alasan dikemukakan DBKL, pada April lalu.

Dia turut mempersoalkan kewajaran pelaksanaan projek pelebaran jalan terbabit, selain mendakwa kawasan berkenaan kerap berlaku kemalangan.

“Jika jalan ini dilebarkan, bagaimana keselamatan penduduk di sini, terutama kanak-kanak yang berjalan untuk ke sekolah? Adakah jalan raya baharu akan berada betul-betul di hadapan pintu rumah kami nanti?”

“Pada hari DBKL cuba robohkan gerai kami, ada kemalangan maut membabitkan pikap melanggar pejalan kaki. Malah, banyak kemalangan berlaku di sini,” katanya.

Mangsa penipuan AI

Sementara itu, Johari mendedahkan beliau menjadi mangsa penipuan rakaman video janaan kecerdasan buatan (AI) dengan dikatakan bakal mengagihkan peruntukan bernilai jutaan ringgit bagi membantu pihak memerlukan.

Sehubungan itu beliau menasihati orang ramai supaya lebih berhati-hati dan tidak terpengaruh dengan penipuan secara dalam talian.

Katanya, pihaknya dihubungi hampir 90,000 orang meminta pelbagai bentuk bantuan selepas video terbabit tular di media sosial.

Bagaimanapun, semakan BH mendapati video disiarkan di TikTok yang identiti pemilik akaunnya tidak diketahui itu sudahpun diturunkan.

“AI ini kena berhati-hati, mereka semua tipu. Pakai AI cakap siapa hendak duit (atau) tiada (duit untuk bayar) sewa rumah datang jumpa Datuk Jo (Johari). Ini tak betul, AI ini kena baik-baik... kejap-kejap cakap bahasa Malaysia, kejap-kejap cakap bahasa Indonesia. Saya susah hati (dengan perkembangan ini),” katanya.